

KUALA LUMPUR, 3 SEPT (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDANG MENGAJAI KEMUNGKINAN MENGADAKAN LADANG BERKELOMPOK MELALUI CANTUMAN TANAH-TANAH YANG BERSEMPADAN SUPAYA SESUATU UNIT LADANG MENJADI CUKUP BESAR UNTUK MEMBIAYAI CARA PENGURUSAN DAN ALATAN YANG LEBIH MODEN, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

PERDANA MENTERI BERKATA OLEH DEMIKIAN, BANK-BANK PATUTLAH MEMBERI BANTUAN BUKAN SAHAJA DARI SEGI PINJAMAN TETAPI JUGA DARI SEGI KAJIAN KEMUNGKINAN DAN PENGURUSAN.

UNIT-UNIT PENASIHAT PATUT DITUBUHKAN OLEH BANK-BANK DENGAN ANGGOTA YANG TERDIRI DARI MEREKA YANG CENDERUNG, FAHAM DAN BERSIMPATI DENGAN MASALAH PETANI DAN KONSEP LADANG BERKELOMPOK, TAMBAH BELIAU SEMASA MELETAKKAN BATU ASAS BANGUNAN MALAYAN BANKING DI BUKIT MAHKAMAH DI SINI HARI INI.

KATANYA LADANG-LADANG BERKELOMPOK ITU PATUT MENGADAKAN INDUSTRI YANG SESUAI DENGAN MENGGUNA SUMBER-SUMBER ALAM DAN TENAGA SETEMPAT.

+PIHAK BANK PATUT JUGA MENOLONG MENGENAL-PASTI JENIS-JENIS INDUSTRI YANG SESUAI MEMBERI KAJIAN KEMUNGKINAN AWALAN DAN MEMBERI PINJAMAN YANG DIPERLUKAN.

+JIKA BOLEH, UNIT-UNIT YANG TERTENTU DALAM BANK PATUT MENOLONG MENGAWASI BAHAWA PENGURUSAN INDUSTRI-INDUSTRI INI BERJALAN DENGAN BAIK.+ TAMBAH BELIAU. -- LAGI 1800/BY

PM-PETANI 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR PERCAYA DENGAN CARA INI BUKAN SAHAJA, PENDAPATAN PARA PETANI AKAN BERTAMBAH TETAPI DAYA PENGELUARAN DAN EKONOMI NEGARA JUGA DAPAT DITINGKATKAN.

SUDAH TENTU BANK JUGA AKAN MENDAPAT KEUNTUNGAN DARI KEPESATAN EKONOMI LUAR BANDAR, TAMBAH BELIAU.

BELIAU MENEGASKAN SATU LANGKAH BAGI MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN DI LUAR BANDAR IALAH PENGGUNAAN MESIN PERTANIAN.

ENURUTNYA, RAMAI PETANI YANG MEMBELI JENTERA PERTANIAN TANPA MENGAMBILKIRA KAWASAN YANG HENDAK DIKERJAKAN ITU EKONOMIK ATAU TIDAK.

+MEREKA JARANG SEKALI MENGAMBILKIRA BAHAWA SEMENTARA KERBAU YANG DIGUNAKAN DAHULU TIDAK PERLU PENYENGGARAAN, BOLEH BERANAK DAN BOLEH DISEMBELIH BILA SUDAH TUA UNTUK DINAKAN, JENTERA SEBALIKNYA PULA MEMERLUKAN PENYENGGARAAN, AKAN SUSUT HARGA DAN AKHIRNYA KENA WRITE-OFF BILA SUDAH TUA+.

PERDANA MENTERI BERKATA JIKA PERUNTUKAN TIDAK DIBUAT AWAL-AWAL LAGI UNTUK MEMBELI GANTI, BEBAN HUTANG AKAN BERTIMBUN.

BELIAU MENINGGATKAN SERUAN SUPAYA BANK-BANK MEMBERI KEMUDAHAN PINJAMAN YANG LEBIH TINGGI DI LUAR BANDAR TIDAKLAH KETERLALUAN OLEH KERANA BANK-BANK DI NEGARA INI KESELURUHANNYA MENCATITKAN KADAR PERTUMBUHAN DUA ANGKA YANG BERTERUSAN SEJAK AWAL TAHUN 1970AN LAGI.

-- LAGI 1308/8Y

ZCZC B619

PM-PETANI 3 KUALA LUMPUR

KADAR PERTUMBUHAN TIDAK TERJEJAS WALAUPUN PADA MUSIM KEMELESETAN EKONOMI DEWASA INI, TAMBAH BELIAU.

+SEKTOR-EKTOR EKONOMI YANG MAMPU MEMBANTU KERAJAAN MENGEMBANGKAN EKONOMI NEGARA SEHARUSNYA BERBUAT DEMIKIAN KERANA KESEJAHTERAAN DAN KESTABILAN NEGARA AKAN MEMBAWA KESEJAHTERAAN KEPADA SEMUA RAKYAT AKHIRNYA TERMASUKLAH PEMILIK DAN PEKERJA BANK.+

PERDANA MENTERI BERKATA DI SAMPING ITU EKONOMI PERTANIAN DAN USAHA-USAHA LAIN DI KAMPUNG TETAP PENTING DALAM KONTEKS PEMBANGUNAN YANG SEIMBANG DI SELURUH NEGARA.

BUKAN SAHAJA USAHA PERTANIAN AKAN DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN MAKANAN DAN PERTANIAN NEGARA, TETAPI JUGA MEMAJUKAN EKONOMI DAN MUTU KEHIDUPAN PENDUDUK LUAR BANDAR DAN MEMENUHI CITA-CITA NEGARA TERMASUK DASAR EKONOMI BARU. -- BERNAMA 1814/BY